

- iii. Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang -
kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet
atau yang setaraf denganya dan telah disahkan
dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod
perkhidmatan yang baik dan berkebolehan
bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa
Melayu dengan memuaskan.

[Gaji Permulaan ialah pada Gred KP1:
RM1,500.00] atau ;

- iv. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang
diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil
Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang
berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf
dengannya.

[Gaji Permulaan ialah pada Gred KP1:
RM1,516.00] atau ;

- v. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang
diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil
Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang
berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf
dengannya.

[Gaji Permulaan ialah pada Gred KP1:
RM1,622.00] atau ;

- f) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera
seperti yang berikut :

- i. Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki
dan 1.53m bagi Wanita tanpa bersepatu;
- ii. Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi
lelaki dan 46kg bagi wanita;
- iii. Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI)
di antara julat 19 hingga 26;
- iv. Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm
ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa
menarik nafas (lelaki sahaja);
- v. Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri
dan kanan yang diuji berasingan dengan
ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin
mata;
- vi. Pengecaman warna dan pendengaran yang
tidak cacat; dan

vii. Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
4. MAKSUD MEMILIKI KELAYAKAN SPM BAGI JAWATAN INI : Kepujian bagi dua (2) subjek mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu **serta** empat (4) subjek lulus.